

DATE: 29/1/2010

KELUARAN KHAS
BERITA HARIAN

JUMAAT, 29 Januari 2010

Program Transformasi Kerajaan

Menteri Hijau Taj Bi



BH-29/01/2010

Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan

- Memperbaiki Sistem Pengangkutan Awam
- Membanteras Rasuah
- Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar
- Mempertingkatkan Infrastruktur Luar Bandar
- Mengurangkan Jenayah
- Mempertingkatkan Taraf Hidup Isi Rumah

Mentransformasikan Malaysia

Negara perlu sepenuh komitmen kepada Program Transformasi Kerajaan

Oleh **Ridzuan Yop**
bhnews@bharian.com.my

MALAYSIA kini berada di persimpangan. Pada 1991, kerajaan menzahirkan azam bagi mencapai Wawasan 2020 untuk menjadi negara maju menjelang tempoh itu dengan matlamat pembangunan yang merangkumi aspek ekonomi, kerohanian, politik, sosial, psikologikal dan kebudayaan.

Sejak itu, kerajaan menghadapi pelbagai keadaan persekitaran global yang mencabar - krisis kewangan Asia 1997, wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan sepanjang 18 bulan kebelakangan ini pula, krisis kewangan dan kemerosotan ekonomi global.

Perubahan itu, perubahan asas perlu dilakukan dalam pelbagai aspek bukan saja dalam prestasi ekonomi, malah penyampaian perkhidmatan awam yang memperkukuhkan keupayaan kita bagi membangunkan ekonomi.

Antara isu penting lain adalah menangani jenayah, rasuah, kemiskinan, kualiti sistem pendidikan dan infrastruktur di bandar dan luar bandar. Apa yang dipertaruhkan bagi mencapai cita-cita itu adalah kesejahteraan rakyat.

Yang penting adalah perkongsian dan amanah antara rakyat dan kerajaan serta perkongsian yang berjaya membuah hasil sejak merdeka. Negara juga perlu memperbaharui amanah dan perkongsian itu dan menyampaikan hasil yang lebih besar pada tahap yang lebih tinggi.

Bagi menghadapi segala cabaran itu, negara memerlukan sepenuh komitmen kepada Program Transformasi Kerajaan (GTP), selaras dengan prinsip IMalaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Berikutan itu, Pelan Hala Tuju GTP memperincikan objektif, keberhasilan dan set tindakan permulaan dalam bidang yang dikenal pasti se-

bagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) dengan fokus yang khusus pada 2010.

Kerajaan sedar rakyat sudah tidak sabar untuk melihat keberhasilan walaupun sumber yang ada adalah terhad dan pelbagai idea baru amat diperlukan dan pada masa sama kerajaan tidak mempunyai semua jawapannya.

Justeru, suatu kaedah atau enjin transformasi akan digunakan bermula dengan proses pencarian idea terbaik dan kemudian melangkah dengan pantas ke arah pelaksanaannya.

Namun, GTP tidak kom-

prehensif, muktamad mahupun statik. Walaupun, sasaran pelan tidak akan berubah, inisiatif yang mewakili set adalah tindakan permulaan untuk kerajaan mencapai sasaran.

Semua inisiatif itu akan diperhalusi berdasarkan pencapaian pelaksanaan di peringkat akar umbi dan dinilai secara berkala serta mengumumkan laporan kemajuan berbanding sasaran semasa dalam suku tahun pertama pada setiap tahun.

Sehubungan itu, kerajaan akan sentiasa menyatakan sebarang tindakan baru yang akan diambil demi mempertingkatkan prestasi selaras dengan pengenalan GTP.

Perpaduan bina negara produktif, berdaya saing

MALAYSIA memilih konsep perpaduan dalam kepelbagaian dan keterangkuman (inklusif) dan pada masa sama memastikan kesaksamaan untuk semua dalam mewujudkan kesatuan dan perpaduan rakyat pelbagai agama dan budaya.

Konsep yang diperkukuhkan dalam Perlembagaan itu membawa maksud rakyat menerima kepelbagaian etnik, agama serta kepercayaan dan harus saling hormat menghormati serta dan saling menerimanya sebagai sebuah asas kepercayaan dan kesepaduan yang kukuh.

Misi perpaduan bukan sekadar demi keharmonian dan hubungan baik semata-mata, sebaliknya yang penting ialah pembinaan sebuah negara Malaysia yang produktif dan berdaya saing serta pencapaian Wawasan 2020.

Penerimaan terhadap keterangkuman, berbanding dengan negara pelbagai kaum dan agama yang lain, berupaya mengekalkan keamanan dan keharmonian meskipun pada masa tertentu ada yang berbeza dan perbezaan daripada sudut persepsi serta interpretasi yang menimbulkan konflik terutama isu yang membabitkan agama, bahasa dan budaya yang boleh menjadi amat emosional dan sensitif.

Matlamat 1 Malaysia adalah untuk menjadikan Malaysia lebih berdaya maju, produktif dan berdaya saing dengan kemuncaknya sebuah negara yang hebat agar setiap warga melihat dirinya terlebih dulu sebagai rakyat Malaysia dan kemudian barulah melihat dirinya berdasarkan bangsa, agama, kawasan geografi dan latar belakang sosial.

Prinsip 1 Malaysia juga dijalin dalam struktur ekonomi, politik dan sosial masyarakat. Prinsip Rakyat Didahulukan bermakna, kerajaan akan memberi tumpuan kepada perkara yang dikehendaki dan diperlukan rakyat dengan pelbagai sumber yang terhad dalam usaha kerajaan mengimbangi isu jangka pendek dengan membuat pelaburan jangka panjang.

Rakyat Didahulukan dengan memberi fokus kepada kemahuan dan keperluan mereka, manakala memastikan pencapaian diutamakan melalui ketelusan dan akauntabiliti, selain anjakan paradigma kepada kerajaan untuk meningkatkan tahap ketelusan dan kebertanggungjawaban.



MATLAMAT IMalaysia adalah untuk menjadikan Malaysia lebih berdaya maju, produktif dan berdaya saing.

Pastikan matlamat ekonomi, sosial dicapai pada 2020

BAGI merealisasikan Wawasan 2020, cabaran kerajaan adalah memastikan matlamat ekonomi dan sosial yang tinggi dicapai pada 2020, merangkumi sembilan aspek iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan.

Malah, sebaik kerajaan mengumumkan Wawasan 2020, negara sebenarnya sudah maju dan mara ke hadapan dan peningkatan pembangunan manusia serta kualiti hidup dibuktikan apabila sepanjang dua dekad lalu, taraf kehidupan meningkat secara signifikan.

Kerajaan turut meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dengan perubahan persekitaran selaras tuntutan rakyat.

Namun, walaupun mencapai kemajuan, matlamat pencapaian aspirasi Wawasan 2020 sememangnya mencabar. Apatah lagi kadar pertumbuhan ekonomi negara sudah menurun dan menunjukkan tanda-tanda 'perangkap pendapatan sederhana'.

Oleh itu dalam 10 tahun akan datang negara perlu mencapai kadar pertumbuhan tahunan secara kasar lapan peratus bagi mencapai

status negara maju pada 2020.

Malaysia mempunyai ruang memperbaiki prestasi dalam aspek sosial, tetapi negara kini berada dalam situasi fiskal yang mencabar dan perlu mengurangkan perbelanjaan kerajaan, disamping meningkatkan prestasi.

Walaupun ada pelbagai kekhawatiran bagi mencapai Wawasan 2020, ia dapat diha-rungi dengan dedikasi dan kerjasama antara kerajaan dan rakyat. Demi menangani cabaran itu, kerajaan memperkenalkan prinsip IMalaysia, Rakyat Didahulukan



PEMANTAUAN menerusi CCTV antara inisiatif polis perangi jenayah.

Usaha perangi jenayah

Lima jenis inisiatif disenarai pendek untuk capai sasaran

Oleh Mohd Anwar Patho
Rohman
bhnews@bhanan.com.my

JENAYAH menjejaskan semua rakyat tanpa mengira bangsa, agama, jantina mahupun taraf pendapatan. Demi melindungi rakyat Malaysia daripada jenayah, Kementerian Dalam Negeri (KDN) menetapkan sasaran tinggi mengurangkan jenayah secara ketara.

Ini bagaimanapun memerlukan usaha sama semua agensi penguat kuasa undang-undang dan kerjasama masyarakat.


Kadar jenayah indeks di negara ini meningkat keseluruhannya daripada 746 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada 2006 kepada 767 pada 2007 dan meningkat sehingga tiga peratus pada 2008.

Justeru, KDN bercadang untuk mencapai pengurangan sekurang-kurangnya lima peratus dalam jenayah indeks setiap tahun untuk tiga tahun akan datang.

Jenayah jalanan menjadi keutamaan, maka KDN menasaskan keberhasilan lebih cepat iaitu pengurangan sehingga 20 peratus jenayah jalanan menjelang Disember 2010.

Secara khusus, tumpuan jenayah jalanan ialah ragut, samun tanpa senjata api dan samun berkumpulan kerana jenayah ini bersifat traumatik dan mempunyai kesan

Tindakan bersama antara keseluruhan sistem keadilan adalah perlu untuk membawa perbezaan nyata



mendalam terhadap mangsa.

KDN turut menasaskan mengurangkan jenayah indeks keseluruhan termasuk kecurian kereta, pecah rumah dan curi motosikal yang menyumbang 56 peratus daripada keseluruhan kes jenayah dilapor.

KDN menyenarai pendek lima jenis inisiatif untuk mencapai sasaran ini:

- Mengamalkan pengawasan terhadap kecurian motosikal, kereta dan pecah rumah
- Mempertingkat ciri-ciri keselamatan untuk motosi-

kal, kereta dan rumah

- Menggalakkan premium insurans berkadar
- Menghapuskan bengkel haram
- Meningkatkan kebolehan mendapat dan menggunakan peranti capaian mudah alih

Setiap tahun kira-kira 35,000 jenayah jalan dilaporkan, membabitkan kira-kira 17 peratus daripada indeks jenayah negara.

Bagi menangani jenayah jalanan, kerajaan melancarkan empat inisiatif, iaitu:

- Kehadiran polis di mana-mana
- Memasang kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan panas
- Mewujudkan mahkamah khas bagi jenayah jalanan
- Mengenakan hukuman khidmat masyarakat untuk mencegah kesalahan berulang.

Untuk itu, kerajaan akan mewujudkan kerjasama antara polis, pihak berkuasa tempatan (PBT), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

la termasuk memperbaiki program pemulihan dalam penjara dan memperkenalkan program penempatan semula selepas dibebaskan, mengubah program rawatan dan pemulihan dadah, menyekat bekalan dadah psikotropik dan mempertingkatkan pemantauan orang kena pengawasan (OKP).

Memastikan rakyat sentiasa rasa selamat

TUJUAN utama kerajaan memperkenalkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah memastikan rakyat sentiasa rasa selamat di negara ini.

Untuk itu, kerajaan akan menggalakkan kehadiran polis di jalanan dengan menugaskan pegawai polis kanan untuk tugas rondaan, memastikan polis berhubung dengan orang awam dan mengerah lebih ramai anggotanya ke kawasan panas.

Selain itu, kerajaan merancang memperluaskan skim rondaan sukarela dan RakanCop serta bekerjasama dengan persatuan penduduk.

Semua ini bertujuan meningkatkan persepsi awam mengenai keselamatan menerusi konsep kesukarelawanan.

Kerajaan juga akan meningkatkan komunikasi dengan rakyat mengenai jenayah menerusi pelbagai saluran penyiaran dan media interaktif untuk mengurangkan perasaan takut terhadap jenayah, membabitkan diri secara langsung bersama polis.

Bagi meningkatkan rasa selamat rakyat, kerajaan juga akan mempertingkatkan prestasi ke seluruh sistem keadilan jenayah dengan mewujudkan sebuah sistem keadilan jenayah lebih berkesan dan cekap supaya pesalah dihukum sewajarnya.

Kerajaan juga akan melancarkan inisiatif untuk mendapatkan kerjasama semua agensi keadilan jenayah utama dalam menyelesaikan kes tertunggak dan menghadapkan lebih ramai pesalah jenayah kekerasan ke mahkamah pada kadar segera.

Pada masa sama, kepuasan awam terhadap prestasi polis akan menyemai rasa bangga dan keazaman baru dalam pasukan polis serta membantu meningkatkan keyakinan.

KDN juga menasaskan untuk menambah bilangan pesalah jenayah kekerasan yang dihadapkan ke mahkamah dengan menggariskan sembilan inisiatif iaitu:

- Mengurangkan nisbah pegawai penyiasat dengan kertas siasatan kepada 15 sebulan
- Memajukan prosedur operasi standard
- Mempertingkat kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Peguam Negara
- Mempercepatkan pindaan Kanun Acara Jenayah
- membenarkan pegawai pendakwa khas untuk perbicaraan dan penyediaan kertas siasatan
- Menubuhkan Pasukan Petugas Khas
- Menambah lebih banyak mahkamah untuk membicarakan kes jenayah kekerasan
- Memperkembangkan sistem transkripsi dan rakaman mahkamah
- Menambahbaik pengurusan saksi

Disamping itu bagi menambahkan kepuasan awam kepada polis, kerajaan menggariskan 10 inisiatif iaitu:

- Melaksanakan tindak balas pertama dengan menggunakan motosikal
- Memberikan khidmat kaunseling
- Membenarkan orang awam melaporkan kejadian jenayah kepada polis peronda.
- Mempercepatkan gabungan Sistem Pelaporan Polis (PRS) dan Sistem Pelaporan Kemalangan (Cars)
- Membentuk pasukan Jabatan Siasatan Jenayah (CID) di balai polis terpilih
- Mempercepatkan pengawaman pasukan polis
- Menambahkan tenaga kerja sedia ada dengan polis bantuan
- Menambahkan kesejahteraan polis
- Menerbitkan liga jadual balai
- Menjalankan tinjauan bebas untuk menilai kepuasan awam

Sembilan inisiatif tangani rasuah

Pelan transformasi kerajaan janjikan perubahan dalam tempoh tiga tahun

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bharian.com.my

KEMEROSOTAN prestasi negara dalam kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) terbitan Transparency International Malaysia (TI-M) di tangga ke-56 tahun lalu, berbanding ke-23 pada 1995, mendorong kerajaan menampilkan sembilan inisiatif di bawah Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan bagi menangani gejala itu.

Inisiatif pertama adalah memantapkan tahap pematuhan badan pengawal selia dan penguat kuasa agensi kerajaan, terutama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), sehingga memenuhi piawai amalan terbaik peringkat global.

Tumpuan kedua mengurangkan pengeluaran surat sokongan kementerian atau ahli politik, secara berperingkat.

Bagi mengekang budaya surat sokongan itu, inisiatif ketiga membuat ketetapan mendedahkan butiran kontrak perolehan kerajaan bagi meningkatkan ketelusan dan pengawasan awam bermula peringkat pengeluaran tender sehingga pelaksanaan projek.

Skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) dan Laporan Ketua Audit Negara 2009 mengenai pembelian komputer riba berharga RM42,320 oleh sebuah kolej kerajaan, menjadi asas melaksanakan inisiatif ketiga.

Sebagai pemangkin kepada usaha itu, inisiatif keempat merangkumi kaedah me-



nguatkuasa undang-undang politik sedia ada dan menjalankan kajian bagi mengubah suai pembiayaan politik dengan memperkenalkan pendekatan lebih holistik, termasuk menghadkan kadar derma.

Inisiatif kelima pula mengumumkan dasar tolak ansur sifar dengan disokong rangka kerja perlindungan pemberi maklumat yang kukuh bagi memastikan saksi tidak rasa takut mendedahkan rasuah membabitkan pegawai kanan kerajaan atau

ahli politik.

Keenam menggariskan pembaharuan dan pengukuhan kebebasan institusi utama menerusi undang-undang seperti Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, selain menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen bagi memantau kecekapan pendakwaan yang dilakukan Jabatan Peguam Negara.

Inisiatif ketujuh mengetengahkan kesungguhan untuk menyelesaikan pendak-

waan kes rasuah dalam tempoh satu tahun, berbanding purata 8.5 tahun bagi satu kes sekarang, terutama membabitkan kepentingan awam.

Untuk itu, keupayaan pengendalian kes mahkamah akan ditingkatkan menerusi pelantikan Timbalan Pendakwa Raya (DPP) tambahan dan penubuhan mahkamah khas rasuah.

Inisiatif kesembilan mengesyorkan pengwujudan pangkalan data pesalah rasuah dengan hasrat menamakan dan memalukan mereka di khalayak umum sebagai pengajaran

serta amaran kepada masyarakat, dalam usaha membanteras amalan rasuah.

Pangkalan data awam itu juga berfungsi sebagai sumber rujukan apabila individu berkenaan memohon kerja, terutama bagi kerjaya sensitif yang membabitkan kuasa dan amanah.

Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan bagi membanteras rasuah turut menjanjikan perubahan yang boleh dilihat rakyat dalam tempoh tiga tahun.

Inisiatif tangani rasuah

- Memantapkan tahap pematuhan badan pengawal selia dan penguat kuasa agensi

kementerian atau ahli politik

- Mendedahkan butiran kontrak perolehan kerajaan bagi meningkatkan ketelusan dan pengawasan awam

- Menguatkuasa undang-undang politik sedia ada dan menjalankan kajian mengubah suai pembiayaan politik

- Oasar tolak ansur sifar dengan disokong rangka kerja perlindungan pemberi maklumat yang kukuh

- Menggariskan pembaharuan dan pengukuhan kebebasan institusi utama menerusi undang-undang selain menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen memantau kecekapan pendakwaan Jabatan Peguam Negara.

- Mengetengahkan kesungguhan untuk menyelesaikan pendakwaan kes rasuah dalam tempoh satu tahun

- Keupayaan pengendalian kes mahkamah ditingkatkan menerusi pelantikan Timbalan Pendakwa Raya (DPP) tambahan dan penubuhan mahkamah khas rasuah

- Mengesyorkan pengwujudan pangkalan data pesalah rasuah dengan hasrat menamakan dan memalukan mereka di khalayak umum

Unit pematuhan di agensi kerajaan perlu dipertingkatkan

UNIT pematuhan di jabatan atau agensi kerajaan yang berisiko tinggi berlaku gejala rasuah dijangka dapat membawa perubahan ketara dari segi penguatkuasaan dan pematuan banterasan jenayah.

Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan bagi membanteras rasuah melambatkan unit pematuhan perlu dipertingkatkan di beberapa sektor, terutama jabatan polis seperti Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Perdagangan, Jabatan Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Jabatan Ketenteraman Awam.

Selain itu, agensi pematuhan di Bahagian Penguatkuasaan dan Kastam (Jabatan Kastam), Bahagian Penguatkuasaan Pekerja Asing, Visa, Permit dan Passport (Jabatan Iroigresen) serta Bahagian Penguatkuasaan (Jabatan Pengangkutan) turut diperkasakan.

Strategi kerajaan yang berlandaskan Barometer Rasuah Global 2009, mahu menukar persepsi umum yang meletakkan kakitangan awam sebagai sektor kedua terbesar dilanda rasuah selepas parti politik.

Bagi menjayakannya, kerajaan sedia memperuntukkan sumber sesuai untuk menubuhkan unit pematuhan khusus setiap agensi penguatkuasaan.

Gandingan tindakan memantapkan unit pematuhan dan meningkatkan ketelusan pemberian tender atau kontrak kerajaan diyakini dapat membanteras gejala rasuah.

Sementara itu, bagi mengekang rasuah dalam parti politik, kerajaan mengesyorkan ahli politik dan parti politik diwajibkan mendedahkan sumber pembiayaan dan perbelanjaan masing-masing selain memperketatkan penguatkuasaan Akta Pertubuhan 1966.

Kerajaan mahu menangkis persepsi rakyat bahawa ahli politik jarang didakwa dengan memperkenankan dasar tolak ansur sifar.

Dasar pertama menegaskan tiada sesiapa pun mengatasi undang-undang dan semua kes rasuah akan disiasat tanpa mengira kedudukan.

Dasar kedua menjanjikan pendedahan sepenuhnya butiran pesalah yang bersabit kesalahan didedahkan kepada umum sebagai tindakan pencegahan, manakala dasar ketiga menetapkan hukuman yang cepat dan keras untuk jenayah rasuah.

Iltizam raih semula keyakinan rakyat

lain menerima penilaian rendah daripada orang ramai dan komuniti perniagaan.

Kajian di Malaysia mendapati rasuah kerap berlaku apabila golongan tidak berkuasa (orang ramai) yang memerlukan sesuatu, terdesak untuk mempengaruhi golongan berkuasa (pegawai kerajaan) menggunakan bucu bicara membuat keputusan itu.

Bagi menangani salah guna kuasa di kalangan kakitangan jabatan terbabit, kerajaan berikrar mengurangkan kerumitan dihadapi orang ramai ketika berurusan dengan sektor awam dan swasta, selain mewujudkan mekanisme kawal selia de-

ngan mengekalkan keanjalan.

Bagi 2010, kerajaan menetapkan sasaran meningkatkan pendakwaan berbanding penangkapan, selain menambatkan kutipan cukai diperoleh semula daripada barangan yang diisytihar di bawah harga sebenar, kepada RM21 juta berbanding hanya RM9 juta tahun lalu.

FAKTA NOMBOR

**R M 10
j u t a**

Kerugian setahun kepada kerajaan akibat amalan rasuah

Selain memperkasakan kedudukan jabatan terbabit, usaha turut dipertingkatkan bagi mengekang amalan rasuah di kalangan kakitangannya dengan mewujudkan suruhanjaya bebas, bagi memantau dan mengawal selia setiap jabatan.

Kaedah penggiliran kerja yang baru bagi membanteras amalan rasuah turut dirangka untuk menghalang pegawai penguat kuasa membentuk jalinan kerjasama dengan pertubuhan jenayah selain mewujudkan carta liga prestasi bagi semua pihak berkuasa tempatan (PBT).

Serentak itu, kerajaan juga bertekad mengurangkan ke-

tirisan dana diperuntukkan untuk pembangunan nasional dan perbelanjaan operasi selain mengurangkan peneuman audit salah urus perolehan di setiap kementerian.

Sehubungan itu, semua kontrak perolehan kerajaan didedahkan secara terperinci laman web kementerian, agensi dan e-portal kerajaan, termasuk senarai projek perolehan dirancang, nama kontraktor yang berjaya, harga kontrak dan tempoh projek.

Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah setiap kementerian bertanggungjawab memastikan maklumat perolehan terkini didedahkan kepada umum.



Pencapaian pelajar dipertingkatkan

Sistem pendidikan negara diperkasa secara berterusan

Oleh Nazura Ngah
nazura@bharian.com.my

KEMAJUAN membangunkan sistem pendidikan negara untuk tempoh 50 tahun di samping kadar penyertaan peringkat menengah antara yang tertinggi berbanding negara membangun lain tidak bermakna kerajaan berpuas hati dan tidak mempedulikan prestasi.

Pendidikan penting untuk membina tenaga kerja berdaya saing kerana kualiti pendidikan mempunyai hubungan langsung dengan pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka panjang.

Dalam tempoh berkenaan, kejayaan juga dicapai apabila kadar literasi dewasa ada-

lah sebanyak 92 peratus manakala kadar penyertaan peringkat rendah pula berada pada tahap universal.

Bagaimanapun, perlu diakui jurang perbezaan keberhasilan antara pelajar di Malaysia masih meluas, misalnya 20 peratus pelajar gagal mencapai tahap minimum Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) dalam mata pelajaran Matematik dan Sains pada 2007, berbanding hanya lima hingga tujuh peratus pada 2003.

Bagi memastikan negara tidak terus ketinggalan berbanding Singapura, Hong Kong dan Korea, kerajaan memberi tumpuan kepada empat bidang pada peringkat awalan iaitu:

- Meningkatkan kadar



MENINGKATKAN kadar pendaftaran prasekolah untuk kanak-kanak berusia empat hingga lima tahun diberikan tumpuan.

pendaftaran prasekolah untuk kanak-kanak berusia empat hingga lima tahun dan mempertingkatkan kualiti sistem pendidikan.

- Memastikan semua ka-

terasi dan numerasi selepas tiga tahun pendidikan

• Membangunkan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan mempertingkatkan prestasi semua sekolah dalam sistem.

• Mempertingkatkan dengan ketara prestasi guru besar dan pengetua melalui pe-

ngurusan prestasi.

Dalam aspek pendaftaran prasekolah, kerajaan mengenai pasti tujuh teras bagi memperkasa tadbir urus dan pelaksanaan pendidikan pra-

taranya;

- Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Prasekolah Kebangsaan serta Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak.
- Prasekolah dalam Kementerian Pelajaran menadbir urus semua penyedia prasekolah.
- Kurikulum Standard

Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

• Menyeragamkan bantuan kepada murid prasekolah kerajaan dan meningkatkan kualiti guru dan pembantu

las prasekolah khususnya bagi kanak-kanak berusia empat tahun.

• Meningkatkan perkongsian pintar kerajaan-swasta dalam pendidikan prasekolah.

• Mewujudkan Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan.

Sasaran kuasai literasi, numerasi selepas 3 tahun

SISTEM pendidikan terbaik adalah memastikan setiap kanak-kanak berjaya tanpa mengira latar belakang, selain mengenai pasti pelajar yang memerlukan bantuan.

Untuk itu, kerajaan menetapkan sasaran semua kanak-kanak berupaya menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi selepas tiga tahun mengikuti pendidikan rendah.

Ia penting kerana perangkaan pada 2008 menunjukkan 54,000 pelajar Tahun 1 (anggaran 13 peratus daripada jumlah pengambilan pelajar Tahun 1) tidak menguasai kemahiran literasi dan 117,000 atau 24 peratus pelajar Tahun 4 tidak

Bagi memastikan semua kanak-kanak mempunyai literasi dan kemahiran numerasi selepas tiga tahun pendidikan sekolah rendah, kerajaan mewujudkan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) yang mengandungi enam strategi dengan memfokuskan kepada semua usaha utama literasi dan numerasi antaranya;

• Mengadakan saringan tiga kali setahun pada Mac, Jun dan September bagi mengenai pasti sama ada pelajar perlu mengikuti program LINUS atau program Pendidikan Khas jika mempunyai ketidakupayaan dalam pembelajaran.

• Latihan kepada 17,000 guru untuk mengajar modul baru LINUS.

• Pemantauan dan penyeliaan intensif ke atas 10 peratus sekolah tercorot.

Di samping itu, bagi mempertingkatkan keberhasilan pendidikan, strategi kerajaan akan turut memberi tumpuan kepada peningkatan prestasi guru besar dan pengetua melalui pengurusan prestasi;

• Pencapaian kesemua 9,900 sekolah akan disenarai.

• Sekolah prestasi tercorot dikenal pasti berdasarkan skor komposit rendah.

• Latihan dan bimbingan bagi mempertingkatkan tahap prestasi.



PELAJAR Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Sri Aman, Petaling Jaya yang terpilih sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) mengulang kaji pelajaran di perpustakaan.

100 Sekolah Berprestasi Tinggi menjelang 2012

DEMI menjamin kelangsungan pendidikan negara, di samping melonjakkan standard pendidikan ke tahap lebih tinggi, kerajaan mensasarkan penubuhan 100 Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) menjelang 2012 yang memberi tumpuan terhadap pelajar cemerlang.

SBT adalah sekolah bertaraf dunia yang mampu menyaingi

pencapaian antarabangsa selain membuka peluang kepada pelajar melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan terkemuka, seterusnya menjadi pemimpin dalam bidang masing-masing.

Sebagai sekolah yang mempunyai watak, identiti tersendiri dan unik serta menyerlah dalam semua aspek pendidikan, kerajaan memutuskan

menjadikan SBT sebagai Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) pendidikan bagi melonjakkan kecemerlangan sekolah, mewujudkan suasana pembelajaran kondusif bagi pelajar cemerlang dan contoh kepada sekolah lain.

Dengan inisiatif penubuhan 20 SBT bermula tahun ini, sekolah berkenaan akan berperanan menjadi pem-

bimbing kepada sekolah lain dengan mewujudkan rangkaian 'mentoring dan coaching' antara sekolah.

Pemilihan SBT adalah berdasarkan beberapa kriteria iaitu pencapaian akademik yang cemerlang, personaliti unggul, anugerah kebangsaan dan antarabangsa, jalinan dengan institusi pengajian tinggi, jaringan kukuh dan

penanda aras kebangsaan dan antarabangsa.

Selaras tanggungjawab besar digalas, SBT diberi ganjaran bagi melonjakkan kecemerlangan sedia ada. Antaranya kelonggaran memilih kurikulum dan kaedah pengajaran termasuk proses pemilihan serta penempatan semula guru jika prestasi guru tidak memuaskan.

Penambahbaikan pengangkutan awam

Matlamat tingkat peratusan pengguna waktu puncak di Lembah Klang

Oleh S Anand Kumar
bhnews@bharian.com.my

KERAJAAN bermatlamat meningkatkan peratusan penggunaan pengangkutan awam pada waktu puncak, dari jam 7 pagi hingga 9 pagi di Lembah Klang, kepada 13 peratus pada 2010 dan 25 peratus pada 2012.

Ini bermakna, bilangan pengguna di Lembah Klang adalah bersamaan dengan pertambahan sebanyak 2.5 kali iaitu daripada kira-kira 240,000 penumpang setiap hari (ketika waktu puncak pagi) kepada kira-kira 600,000 penumpang pada 2012.

Pada masa sama, kerajaan ingin memperbaiki waktu perjalanan dan kebolehpercayaan selain mempertingkatkan keselesaan serta kemudahan. Ia juga untuk mempertingkatkan pencapaian supaya peratusan penduduk yang menetap dalam

lingkungan 400 meter dari laluan pengangkutan awam meningkat daripada 63 peratus kepada 75 peratus pada 2010.

Bagi mencapainya, empat langkah akan diambil yang bermula tahun lalu hingga 2012.

Langkah itu ialah menyelaraskan kapasiti sistem yang sudah mencapai hadnya; merangsang permintaan bagi menarik rakyat menggunakan pengangkutan awam; menghalang kenderaan berat daripada memasuki kawasan perniagaan pusat (CBD) dan penyusunan semula agensi kawal selia.

Selain keseluruhan penggunaan pengangkutan

FAKTA NOMBOR

240,000
pengguna

Pengangkutan awam waktu puncak di Lembah Klang 2010

600,000
pengguna

Pengangkutan awam waktu puncak di Lembah Klang 2012

12
koridor

Laluan khas bas di Lembah Klang

awam, empat bidang fokus juga dikenal pasti bagi mengukuhkan usaha meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di bandar, iaitu;

- Kebolehpercayaan dan masa perjalanan
- Keselesaan dan kemudahan
- Kebolehcapaian dan kesalinghubungan
- Ketersediaan dan keupayaan.

Pada 2012, kapasiti komuter KTM dan LRT akan dipertingkatkan sebanyak 1.7 sehingga empat kali ganda (bergantung kepada laluan



KAPASITI penumpang menggunakan komuter KTM disasarkan meningkat dengan memperbaiki waktu perjalanan dan keselesaan perkhidmatan.

tertentu). Laluan bas yang khusus merentasi 12 koridor utama di Lembah Klang akan diperkenalkan secara berperingkat tertakluk kepada perincian kejuruteraan dan kajian perancangan.

Secara keseluruhan, perkhidmatan melalui 12 koridor itu akan dapat menampung 35,000 penumpang sehingga 55,000 penumpang pada waktu puncak pagi selain penambahan 850 bas.

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pula akan beroperasi sepenuhnya pada akhir tahun ini.

INFO

Tiket pintar mengurangkan masa perjalanan

• Pengurangan masa menaiki pengangkutan awam

- Berbaris panjang pada waktu puncak • 25-30% masa menunggu waktu



• Menebus kembali kerugian

- Transaksi tunai memberi ruang pada penipuan kecil-potensi kerugian pendapatan sehingga 20%

• Penciptaan 1 tiket 1 perjalanan lancar

- 16 operator di Lembah Klang dengan 16 tiket

- Tiket tanpa tunai mempunyai potensi menjimatkan separuh tempoh menaiki pengangkutan awam

- Tiket tanpa tunai mempunyai potensi penjimatan sehingga RM12 juta dalam jumlah hasil tahunan

- Pelaksanaan



KUALITI perhentian bas sekitar Lembah Klang akan dipertingkatkan bagi menarik orang ramai mengguna bas pada waktu puncak

Perhentian bas lebih canggih

BAGI menambah baik bidang pengangkutan awam, kualiti perhentian bas akan dipertingkatkan yang mana jadual perjalanan akan dipaparkan di setiap perhentian bas.

Pada masa ini, ada lebih daripada 4,000 perhentian bas di Lembah Klang yang mana 40 peratus adalah perhentian tidak berbumbung dan tidak mempunyai papan tanda sempurna.

Bagi merealisasikan perkara itu, semua perhentian bas di Lembah Klang akan diberi nombor secara teratur dan meneroka secara agresif semua peluang kerjasama dengan syarikat swasta, seperti agensi pengiklanan bagi membantu membiayai serta menyelenggarakan perhentian bas di bawah kendalian

semua pihak berkuasa tempatan (PBT).

Selain itu, papan tanda yang jelas mengandungi jadual perjalanan bas bagi semua operator juga akan disediakan di semua perhentian bas.

Namun begitu, ada cabaran perlu dihadapi dalam melaksanakan inisiatif itu iaitu masalah vandalisme dan penampilan notis sosial (pinjaman wang dan perkhidmatan tuisyen) di papan tanda disediakan.

Aktiviti penguatkuasaan dilakukan termasuk menggalakkan orang ramai melaporkan insiden vandalisme (melalui talian aduan) dan mengambil tindakan terhadap individu yang melakukannya.

Penguatkuasaan kenderaan

persendirian dan teks adalah satu lagi isu pengangkutan awam yang memerlukan penyelesaian dan usaha sama dikalangan 13 agensi penguat kuasa yang terbabit antaranya PBT, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP).

Inisiatif itu termasuk peningkatan penggunaan komunikasi dan maklumat (IT) dan teknologi pengawasan bagi mengesan serta mengukuhkan mereka yang tidak mematuhi peraturan selain menambah bilangan anggota penguat kuasa.

Tindakan itu bertujuan memastikan pesalah lalu-lintas tidak terlepas daripada hukuman.

Takrifan baru mengikut keadaan sosioekonomi

GOLONGAN miskin dan miskin tegar kini dikenal pasti berdasarkan takrifan baru mengikut keadaan sosioekonomi khusus negara ini dan tidak lagi mengikut garis paduan Pendapatan Garis Kemiskinan (PLI), yang digunakan selama ini.

Berdasarkan takrifan baru itu:

- Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) adalah isi rumah yang mempunyai jumlah pendapatan atau kurang daripada atau bersamaan dengan RM2,000 sebulan, yang mewakili 75 peratus pendapatan di Malaysia. Ia ditakrifkan sebagai jumlah purata nasional.

- Walaupun ada sesetengah pihak mungkin beranggapan pendapatan bulanan isi rumah RM2,000 agak seses, realitinya kos sara hidup semakin meningkat dan ia mengekang kuasa berbelanja kumpulan ini dan seterusnya meningkatkan kesukaran hidup.

- Miskin adalah isi rumah dengan jumlah pendapatan kurang daripada atau bersamaan dengan RM750 sebulan. Ini adalah berdasarkan PLI dan adalah jumlah purata nasional.

- Miskin tegar menggambar isi rumah yang mempunyai jumlah pendapatan kurang daripada atau bersamaan dengan RM440 sebulan untuk menampung perbelanjaan keluarga.

Ini adalah berdasarkan PLI makanan dan jumlah purata nasional.

Sebelum ini, tahap kemiskinan ditentukan menerusi PLI, yang berdasarkan kepada keperluan minimum untuk makanan oleh seisi rumah (bahagian PLI makanan) dan barangan bukan makanan seperti pakaian, sewa, bahan api dan elektrik (bahagian PLI bukan makanan).

Keluarga yang hidup di bawah PLI adalah mereka yang hidup dalam kemiskinan, manakala mereka yang hidup di bawah PLI makanan diklasifikasikan sebagai golongan miskin tegar yang perlu dibantu untuk membolehkan mereka mendapatkan kehidupan lebih baik.

Pada masa lalu, satu daripada kekurangan yang pernah dihadapi kerajaan adalah untuk mendapatkan kata sepakat mengenai PLI di kalangan pelbagai kementerian dan agensi.

Ini menyukarkan kerjasama bagi mengenai pasti dan membantu kumpulan miskin yang disasarkan khususnya di pedalaman.

Gerakan 1 Azam basmi kemiskinan, miskin tegar

5 langkah tingkat taraf hidup golongan berpendapatan rendah



MASIH terdapat lebih daripada 200,000 keluarga diklasifikasikan sebagai miskin.

Oleh Hussain Said
hussain@bharixom.my

LIMA langkah digariskan bagi memastikan Gerakan 1 Azam, sebuah program komprehensif untuk meningkatkan taraf kehidupan golongan berpendapatan rendah, berjaya mencapai matlamat.

- Menilai daya produktiviti (keupayaan untuk bekerja) dan bagi mereka yang tidak berupaya secara fizikal atau tidak sihat mental, akan disediakan keperluan bantuan serta pemulihan supaya mereka boleh beransur-ansur menjadi golongan produktif.

- Memadankan individu

produktif dengan jawatan kosong yang ada dan ekonomi lain yang bersesuaian, misalnya pertanian dan perniagaan kecil.

- Menyediakan latihan bagi mereka yang tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan.

- Memantau dan menyediakan bantuan berterusan dalam jangka pendek apabila seseorang itu mendapat pekerjaan atau memulakan perniagaan.

- Mengeluarkan mereka daripada senarai sokongan apabila sudah memperoleh pendapatan yang kukuh.

Di bawah 1 Azam, kerajaan juga menetapkan beberapa

inisiatif iaitu 1 Azam Kerja, yang memadankan golongan miskin dan miskin tegar dengan peluang pekerjaan dan menggalakkan mereka mengambil peluang pekerjaan dalam sektor kekurangan tenaga rakyat Malaysia.

Kerajaan akan memudahkan penempatan kerja untuk jawatan berkemahiran rendah seperti pembantu rumah, pekerja stesen minyak, pengawal keselamatan, pelayan restoran dan buruh binaan.

Untuk tujuan itu, kerajaan akan membekukan pengambil buruh asing; menggalakkan majikan mengutamakan rakyat Malaysia untuk

jawatan berkemahiran rendah dan separuh mahir; menubuhkan JobMalaysia Centres dan JobMalaysia Points bagi memadankan orang yang mencari pekerjaan dengan peluang pekerjaan serta menawarkan program pembangunan kemahiran kepada golongan miskin dan miskin tegar melalui kolej komuniti dan institut kemahiran.

Di bawah inisiatif 1 Azam Niaga, kerajaan akan menggalakkan keusahawanan dan penubuhan perniagaan kecil, misalnya, perniagaan makanan seperti masakan rumah dan perniagaan dalam talian dengan menyediakan latihan dan dana sebagai bantuan untuk memulakan perniagaan kecil.

Menerusi 1 Azam Khidmat pula, kerajaan akan memberi kemudahan untuk menubuhkan perniagaan perkhidmatan kecil termasuk perniagaan perkhidmatan berasaskan inovasi, misalnya program homestay, kantin bergerak, pusat mencuci kereta bergerak, pusat penjagaan harian untuk warga emas atau kanak-kanak dan perniagaan pemasangan berkemahiran rendah dari rumah.

Di bawah inisiatif 1 Azam Tani, kerajaan akan membantu golongan miskin dan miskin tegar dalam perniagaan pertanian kecil-kecilan yang mendatangkan hasil cepat.

Capai matlamat akhir tahun ini

WALAU PUN kerajaan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan, masih terdapat lebih daripada 200,000 keluarga diklasifikasikan sebagai miskin iaitu pendapatan bulanan kurang daripada RM750 sebulan di negara ini.

Lebih daripada 40,000 keluarga diklasifikasikan sebagai sangat miskin atau miskin tegar dengan pendapatan kurang daripada RM440 sebulan atau RM15 sehari.

Sehubungan itu, kerajaan berazam membasmi kemiskinan tegar sepenuhnya pada akhir 2010 dan mengurangkan tahap kemiskinan di antara 2010 hingga 2012 melalui tiga langkah.

Langkah pertama, menyeragamkan takrif-kumpulan berpendapatan rendah di semua kementerian dan agensi untuk mempercepatkan kerjasama dalam mengenai pasti dan membantu kumpulan sasaran kemiskinan.

Kedua, kerajaan akan berusaha melaksanakan beberapa inisiatif berimpak tinggi dengan segera dan membuat persediaan bagi tindakan jangka panjang.

Inisiatif ini akan memperbaiki kebajikan dan membina potensi pendapatan bagi memastikan kemampuhan.

Langkah terakhir ialah kerajaan akan menetapkan penggerak bagi memastikan penyampaian inisiatif dapat disampaikan dengan lebih cekap dan berkesan dengan melaksanakan perubahan struktur, termasuk membentuk satu entiti Perkhidmatan Pembangunan Sosial (SDS).

Selain itu, kerajaan akan menubuhkan Inspektorat SDS yang bebas untuk menyiasat dan mendakwa penipuan kebajikan, mengumpul semua pangkalan data yang mengandungi data isi rumah berpendapatan rendah ke dalam e-Kasih.

Kerajaan juga akan berusaha mengurangkan masa memproses untuk pembayaran bantuan dari tempoh dua bulan yang diamalkan sekarang kepada tujuh hari menjelang 2012 untuk memperbaiki taraf hidup golongan sasaran.



GERAKAN 1 Azam tingkat taraf kehidupan golongan berpendapatan rendah.

Pelaburan kemudahan luar bandar

Kerajaan belanja RM18 bilion dalam tempoh tiga tahun bangun prasarana



KEMUDAHAN jalan raya antara yang diberi penekanan dalam mempertingkatkan prasarana luar bandar

Oleh Norfatimah Ahmad
bhnews@bharianxom.my

KERAJAAN akan membelanjakan RM18 bilion dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi meningkatkan kemudahan asas di luar bandar, khususnya rangkaian jalan raya, perumahan, bekalan elektrik dan air, bagi memastikan penduduk di kawasan

itu tidak terus terpinggir daripada kemajuan.

Pada masa ini, secara purata kira-kira 35 peratus rakyat negara ini menetap di luar bandar. Angka ini berbeza di setiap negeri dengan ada negeri yang mencatat 70 peratus penduduknya menetap di kawasan berkenaan.

Langkah penambahbaikan kemudahan itu membabitkan 40 peratus isi rumah di Ma-

laysia Timur dan 12 peratus isi rumah di Semenanjung yang masih kekurangan akses air bersih dan air dirawat. Banyak kampung di Malaysia Timur juga belum dihubungkan dengan jalan raya dan tiada bekalan elektrik.

Berdasarkan rekod, keseluruhan peruntukan pembangunan luar bandar berikutan daripada paras tertinggi 25 peratus dalam

Rancangan Malaysia Keenam kepada hanya 124 peratus dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Berikutan itu, langkah memberi keutamaan kepada infrastruktur asas di kawasan luar bandar membolehkan pengagihan kekayaan yang lebih saksama, memudahkan aktiviti ekonomi misalnya menghubungkan jalan raya bagi memudahkan per-

dagangan dan perniagaan.

Jika perancangan ini mampu direalisasikan, tentunya ia membolehkan pergerakan barangan dan perkhidmatan yang lebih bebas, manakala penyediaan tenaga elektrik dan air perlu bagi kebanyakan jenis kegiatan perindustrian, selain mempunyai kesan langsung terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Tiga langkah jamin kejayaan


TIGA perkara diberi perhatian utama dalam memastikan program besar pembangunan infrastruktur asas luar bandar (RBI) membabitkan pembinaan kemudahan jalan raya, rumah, bekalan elektrik dan air, mencapai kejayaan menjelang akhir 2012.

Pertama, mengoptimumkan tempoh masa yang diperlukan bagi proses pentadbiran dan penyediaan kemudahan itu; kedua, sumber bekalan (sumber manusia, bahan dan jentera) yang mencukupi untuk tujuan itu; dan ketiga, struktur kawalan dan pengurusan yang berkesan untuk memantau dan menyelaras program.

Usaha itu penting bagi

memastikan pelaburan besar untuk program ini, membabitkan pembinaan 11 kali ganda panjang kilometer (km) jalan raya, 2.5 kali ganda bilangan rumah, lima kali ganda rumah yang mempunyai tenaga elektrik dan tujuh kali ganda rumah dengan bekalan air bersih, dapat dicapai dalam tempoh tiga tahun yang ditetapkan.

Tempoh masa yang diperlukan bagi pembangunan itu perlu dioptimumkan, termasuk dalam proses tender terbuka untuk melantik kontraktor. Jika sebelum ini, tempoh pengiklanan hingga penganugerahan tender terbuka memakan masa empat ke lima bulan, ia kini akan



PROJEK perumahan juga tidak ketinggalan dalam agenda pembangunan luar bandar.

dikurangkan menjadi separuh.

Begitu juga keseluruhan proses pengambilan balik tanah antara lapan hingga 11 bulan dari tarikh mengemukakan pelan awal hingga pembayaran pampasan dan penyerahan tapak akan dipendekkan kepada enam hingga lapan bulan. Tempoh

masa mengemukakan tender kontrak bagi jalan raya, elektrik perumahan dan air juga dipendekkan sebanyak 40 hingga 50 peratus.

Bagi memastikan sumber yang mencukupi pula, pengeluaran sumber terbabit perlu meningkatkan kapasiti pengeluaran selain proses pengimportan bekalan diper-

mudahkan bagi memenuhi permintaan.

Sementara itu, bagi memastikan pengawalan dan pengurusan program dilaksanakan secara berkesan, Sistem Pemantauan Projek (SPP) II akan digunakan, bagi memastikan program itu dilaksanakan mengikut perancangan dan mengikut bajet.

INFO

Program besar pembangunan infrastruktur asas luar bandar di Semenanjung, Sabah dan Sarawak

Pembinaan lebih 7,000 km jalan baru dan dinaik taraf menjelang 2012, 1,900 km daripadanya di Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung, ini akan menjadikan 91.4 peratus daripada penduduk tinggal dalam lingkungan lima km dari jalan yang diturap pada 2010, meningkat kepada hampir 100 peratus pada 2012. Ketika ini angkanya mencecah 91 peratus.

- Menyediakan 50,000 rumah baru dan dibaik pulih untuk penduduk miskin dan miskin tegar luar bandar dengan dua pertiga daripadanya di Sabah dan Sarawak. Daripada 50,000 itu, lebih 16,000 rumah akan disediakan pada 2010.

- Memastikan akses kepada air bersih atau air dirawat kepada lebih 360,000 isi rumah tambahan. Khusus untuk Sabah dan Sarawak, program ini akan meningkatkan peratusan rumah luar bandar yang mendapat akses kepada air bersih masing-masing kepada 59 peratus dan 62 peratus pada 2010, meningkat kepada 90 peratus untuk kedua-dua negeri pada 2012. Pada masa ini, peratusan yang dicapai untuk kedua-dua negeri terbabit adalah 57 peratus.

- Penyediaan akses kepada bekalan elektrik 24 jam untuk lebih 140,000 isi rumah tambahan menjelang 2012. Ia dapat meningkatkan peratusan isi rumah yang mendapat akses kepada tenaga elektrik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak masing-masing kepada 99.6 peratus, 81 peratus dan 73 peratus pada 2010.

FAKTA NOMBOR

50,000
rumah

Untuk penduduk miskin dan miskin tegar luar bandar